


**SEJATI
MANUFACTURING**

**PROJEK PERNIAGAAN
PEMBINAAN
BADAN BAS**

DISEDIAKAN OLEH:

Mohd. Huzaumi b. Hussain	95490375
Farudin Hanif b. Ya'amah	96530439
Syarni bt. Mohd Toha	96881255
Farahnini bt. Khazari	96495778
Norazam b. Miskan	96669811
Raizatul Liza bt. Fawzi	96801022



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 10hb. Julai 1998 Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Surat Tuan: Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B) Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Añas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Mohd. Huzaimi Hussain	95490375
2.	Farudin Hanif b. Ya'amah	96530439
3.	Syarni bt. Mohd. Taha	96881255
4.	Farahnini bt. Khazari	96465778
5.	Norazam b. Miskan	96698111
6.	Faizatul Liza bt. Fawzi	96801022

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHARIAH HU. OSMAN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka.
b/p Pengetua

SURAT PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Diploma Pengurusan Perniagaan
Kajian Pengurusan Dan Perniagaan
ITM Cawangan Melaka
Km 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

Kepada,
Tuan Dr. Mohd. Yusuf Hashim
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
ITM Cawangan Melaka
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

6 OKTOBER 1998

Tuan,

LAPORAN PROJEK KEUSAHAWANAN

Merujuk kepada perkara di atas, kami dengan segala hormatnya mengemukakan Laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk ‘SEJATI MANUFACTURING’ sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk melengkapkan mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

2. Objektif utama Rancangan Perniagaan ini adalah bagi membuka minda para pelajar untuk menceburi bidang dunia perniagaan yang lebih mencabar dewasa ini. Ini adalah kerana kami telah menyediakan garis panduan bagi para pelajar dalam mendedahkan diri mereka kepada dunia perniagaan yang sebenar.

3. Berkat usaha dan komitmen kami maka terhasilah kertas kerja ini. Pihak kami berharap ianya dapat memenuhi standard yang telah ditetapkan dan menepati citarasa serta kehendak mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).
4. Akhir sekali kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak tuan di atas segala nasihat, panduan dan tunjuk ajar bagi kami memenuhi skema yang telah ditetapkan bagi Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(MOHD HUZAIMI BIN HUSSAIN)

95490375

.....
(SYARNI BT. MOHD. TOHA)

96881255

.....
(FARUDIN HANIF BIN YA'AMAH)

96530439

.....
(FAIZATUL LIZA BT. FAWZI)

96801022

.....
(NORAZAM BIN MISKAN)

96698111

.....
(FARAHNINI BT. KHAZARI)

96465778

1.0 PENGENALAN

Bidang perniagaan adalah merupakan satu kegiatan ekonomi yang telah dijalankan bertujuan mendapatkan keuntungan yang semaksima yang mungkin dengan menggunakan kos yang paling minima.

Projek Rancangan Perniagaan ini adalah merupakan rancangan bersama bagi menubuhkan sebuah perniagaan yang melibatkan kontrak pembuatan badan bas yang melibatkan syarikat lain. Di mana Syarikat Yusri Holding sebagai syarikat peneraju telah mengeluarkan kenyataan untuk mencari pengusaha Bumiputera bagi menjalankan usahasama.

Kami sebagai sebuah syarikat baru yang bertapak di Banting, Selangor akan menjadi syarikat sasaran Yusri Holding. Kontrak yang dijalankan oleh syarikat kami adalah melibatkan aktiviti pemasangan badan bas. Kami bakal mendapat keuntungan dari upah yang dikenakan oleh Yusri Holding.

Tujuan penubuhan syarikat ini adalah untuk memperluaskan lagi bidang perniagaan yang berunsurkan kontrak oleh kaum bumiputera. Kami amat berharap agar kami dapat mencapai target, memantapkan kualiti perkhidmatan dan bersaing secara sihat dengan syarikat-syarikat yang lain.

Kami yakin perniagaan ini akan menghasilkan keuntungan yang menggalakkan berdasarkan kepada perniagaan-perniagaan yang dijalankan sebelum ini. Ia juga bakal menjadi tumpuan dari syarikat-syarikat pembuatan bas yang lain dimana sekaligus membuka peluang untuk kami mengembangkan lagi perniagaan ini.